

CNS3827

U PB 06-09 00152 BA154

aab

Mahathir - UMNO

ANGGOTA UMNO CUKUP WARAS UNTUK ELAK PERPECAHAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 6 Sept. (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin anggota parti sudah cukup waras untuk mengelakkan perpecahan kerana pemilihan parti November ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, berkata parti itu pernah melalui krisis yang lebih teruk daripada pemilihan parti kali ini tetapi berjaya mengharunginya.

"Saya berpendapat pertandingan kali ini tidak sehebat pertandingan yang lepas," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) UMNO, di sini hari ini.

Beliau ditanya mengapa MT UMNO sendiri tidak campur tangan bagi mengelakkan pertandingan jawatan Timbalan Presiden untuk menghindari kemungkinan parti itu berpecah belah akibat pertandingan yang sengit.

Katanya, memandangkan jawatan Presiden setakat ini tidak dicabar, ini akan membolehkan diri beliau menjadi agen untuk memastikan UMNO tetap bersatu selepas pemilihan itu. -- lagi.

▼06/09/14-04MSF

U PB 06-09 00153 BB898

AAH

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, laporan yang diterima ibu pejabat UMNO menunjukkan mesyuarat-mesyuarat di peringkat cawangan serta bahagian-bahagian Pergerakan Pemuda dan Wanita berjalan lancar walaupun berlaku sedikit perkara yang tidak diingini.

Katanya, perkara-perkara yang tidak diingini berlaku kerana terdapat penyokong calon-calon yang bertanding membuat pelbagai tuduhan terhadap calon yang mereka tidak sokong.

"Perbuatan seperti itu boleh menjejaskan imej parti. Oleh itu, saya menasihatkan mereka supaya tidak berkempen secara itu tetapi berkempenlah secara bersih dan demokratik," katanya.

Sambil mengingatkan anggota UMNO supaya mengelakkan ketegangan ketika berkempen, beliau berkata, mereka harus menerima semua keputusan yang dibuat secara demokratik kerana dalam setiap pertandingan sudah pasti ada yang menang dan ada yang kalah.

Perdana Menteri juga menolak tanggapan bahawa para pemimpin UMNO kini terlalu banyak menumpukan perhatian kepada kempen menjelang pemilihan parti itu sehingga melupakan tugas masing-masing di dalam kerajaan. -- lagi.

▼06/09/14-24MSF

aab

Mahathir - UMNO 3 Kuala Lumpur

Katanya, para pemimpin UMNO tetap tidak melupakan tugas masing-masing di dalam kerajaan kerana mereka juga sentiasa menunjukkan minat yang mendalam seperti soal inflasi dan pertumbuhan ekonomi.

"UMNO tidak terlalu menumpukan masa kepada kempen sehingga melupakan tanggungjawab kepada kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT UMNO selama hampir tiga jam itu turut membincangkan fenomena surat layang dan "kartun layang" yang melanda semula parti itu menjelang pemilihan November ini.

Katanya : "Ini pertandingan di dalam parti. Jika kita buat surat layang, orang lain di luar parti akan guna bahan-bahan itu untuk mengecam parti, bukan orang tertentu sahaja".

Sehubungan dengan itu, katanya, anggota MT yang berasa sedih dengan fenomena berkenaan menasihati anggota UMNO supaya menghentikan segera perbuatan menulis dan mengedar surat-surat layang dan "kartun layang" itu.

-- lagi.

AH AZG NMO

▼06/09/14-39MST

CNS3896

U PB 06-09 00158 BB901

AAB

Mahathir - UMNO 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga diminta mengulas dakwaan bahawa terdapat campurtangan orang luar di dalam soal politik dan ekonomi negara ini.

Katanya, kerajaan tidak boleh menghalang campurtangan orang luar di dalam soal politik dan ekonomi negara ini kerana mereka tetap akan berbuat demikian walaupun cuba dihalang.

Bagaimanapun, katanya, seberapa yang boleh kerajaan tidak mahu orang luar campurtangan dalam urusan dalaman negara ini.

"saya tidak kira sama ada mereka dari dalam atau luar negeri kerana itu tidak penting. Jagalah urusan sendiri," katanya.

Katanya, orang luar tidak sepatutnya campurtangan dalam pemilihan UMNO kerana ia soal parti itu sendiri.

Dua hari lepas, Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba berkata, terdapat campurtangan orang luar dalam soal politik dan ekonomi negara ini yang beliau kawatir akan menyebabkan ekonomi Malaysia dijajah jika perbuatan itu dibiarkan berterusan. -- Bernama.

AH AZG KAM.

▼06/09/15-33MST